

10/07/2002

Powell berhasrat kunjungi negara

PUTRAJAYA, Selasa - Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Collin Powell menyatakan hasrat untuk melawat Malaysia sempena lawatan rasminya ke beberapa negara Asean akhir bulan ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Powell akan membuat siri lawatan berkenaan sebelum menghadiri Forum Serantau Asean (ARF) di Brunei pada 31 Julai ini.

"Beliau ada menyatakan keinginannya melawat Malaysia dan kita mendapat mesej ini. Kita tidak ada halangan bagi lawatan rasmi Powell, tetapi perkara ini masih belum diberi kata muktamad.

"Kita sedang cuba mendapat pengesahannya," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Pengarah Kanan Hal Ehwat Asia, Majlis Keselamatan Negara Amerika Syarikat, James Moriarty, di Wisma Putra di sini hari ini.

ARF adalah mesyuarat tahunan terbesar mengupas isu keselamatan Asia dan tahun ini ia diadakan ketika perang menentang keganasan yang diketuai Amerika masih berterusan.

Syed Hamid berkata, perkembangan ini adalah bentuk interaksi baru yang terjalin antara Malaysia dengan Amerika, yang mana pelbagai lawatan rasmi dibuat oleh kedua-dua negara.

"Sebelum ini, Penolong Setiausaha Negara bagi Hal Ehwat Asia Timur dan Pasifik, James A Kelly datang ke sini dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengadakan pertemuan dengan Presiden George W Bush baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata, hubungan Malaysia dengan Amerika semakin erat dan ini merangkumi hubungan dua hala dalam segala bidang termasuk pelaburan, perdagangan, politik, penguatkuasaan dan latihan.

Syed Hamid berkata, Malaysia ingin meneruskan pelaksanaan deklarasinya yang ditandatangani dengan Washington untuk menangani keganasan antarabangsa ketika lawatan Dr Mahathir ke Amerika Mei lalu.

"Deklarasi itu ada pelan dan objektifnya. Kita ingin melihat bagaimana ia dapat dilaksanakan pada asas dua hala, serta kebaikannya kepada seluruh rantau ini," katanya.

Deklarasi yang ditandatangani Malaysia dan Amerika untuk bekerjasama menentang keganasan itu, antara lain menetapkan kedua-dua negara boleh bertukar maklumat mengenai kumpulan pengganas dan mengadakan kerjasama lain dalam usaha membanteras keganasan antarabangsa.

Deklarasi itu ditandatangani Syed Hamid dan Pemangku Setiausaha Negara, Richard Armitage sewaktu lawatan Dr Mahathir ke negara itu.